

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 7 OGOS 2018, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 6

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1411-MQT0069
Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah laporan terakhir dan laporan tambahan Jawatankuasa Reformasi Institusi yang telah diserahkan kepada Majlis Penasihat (Council of Eminent Persons) dan Jabatan Perdana Menteri akan didedahkan kepada Ahli Parlimen dan orang awam.
2. PR-1411-MQT0073
Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
 - (a) jumlah keseluruhan yang perlu dibayar kepada PDP untuk Projek LRT3; dan
 - (b) Projek LRT3 dengan kadar baru serta spesifikasi juga telah berubah atau dikurangkan. Adakah Kerajaan Pakatan Harapan akan membuka semula tender bagi projek ini.
3. PR-1411-MQT0063
Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan mengekalkan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia atau tabung tersebut akan dimansuhkan serta diwujudkan Tabung Penyelenggaraan yang baharu serta apakah status projek penyelenggaraan pangsapuri LMC di Cameron Highlands yang telah diluluskan oleh Kerajaan terdahulu.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 7 OGOS 2018, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 14

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1411-L00830
Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan merancang untuk membenarkan syarikat ramalan nombor Magnum, Sports Toto dan Da Ma Cai mengadakan cabutan khas pada setiap hari Selasa bagi tahun 2019 dan masa yang akan datang.
2. PR-1411-L00681
Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status pelaksanaan projek gantian penuh SMK Muara Tuang, Kota Samarahan, bina baru SMK Sri Samarahan dan SK Pengkalan Kuap yang telah diluluskan oleh Kerajaan sebelum ini.
3. PR-1411-L00291
Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] minta **MENTERI WILAYAH** menyatakan sempena pengumuman bahawa pilihan raya Kerajaan Tempatan akan dilaksanakan dalam masa 3 tahun lagi, bolehkah pilihan raya DBKL diadakan lebih awal memandangkan penduduk Wilayah Persekutuan tidak berpeluang memilih Kerajaan Negeri.
4. PR-1411-L01130
Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan usaha-usaha dalam memulihkan pemilikan saham FGV oleh peneroka bagi maksud tujuan asal untuk menaikkan taraf ekonomi pemilikan saham.

5. PR-1411-L00776
Tuan Su Keong Siong [Kampar] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan jumlah yang telah dibelanjakan untuk program Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) yang dilaksanakan pada tahun 2013. Nyatakan penyediaan dan keberkesanan dari segi capaian internet jalur lebar secara kolektif di kawasan Program Perumahan Rakyat terutamanya di bandar-bandar besar terpilih di seluruh negara.
6. PR-1411-L00189
Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan hasil kajian ke atas cadangan Kementerian memperkenalkan subjek 'Kenali Agama Lain' di peringkat sekolah, antaranya termasuk pandangan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) Islam yang lain, agar dapat meminimakan ketidakselesaan di kalangan ibu bapa dan tenaga pengajar yang terlibat.
7. PR-1411-L00529
Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengurangkan jumlah pekerja asing di Projek RAPID Petronas di Pengerang, Johor supaya lebih ramai rakyat Malaysia dapat bekerja di sana.
8. PR-1411-L00219
Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sama ada Kerajaan PH masih menunaikan dasar dan pelan pembangunan bagi perkhidmatan telekomunikasi negeri Sarawak selaras dengan dasar dan hasrat Kerajaan Sarawak untuk membangunkan program digital ekonominya.
9. PR-1411-L01319
Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
 - (a) berapakah peruntukan yang telah diperuntukkan untuk perkhidmatan doktor udara di Sarawak dari tahun 2010 - 2017; dan
 - (b) jumlah pesakit yang telah dirawat di bawah perkhidmatan doktor udara di Sarawak dari tahun 2010-2017.

10. PR-1411-L00575
Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah jumlah bilangan permohonan bantuan JKM yang diluluskan dan ditolak mengikut pecahan kawasan Parlimen, jenis bantuan, kategori umur, agama, jantina, serta sebab permohonan ditolak atau diberhentikan.
11. PR-1411-L00557
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah benar faktor monopoli telah menjadikan punca peningkatan kos ubat-ubatan di hospital dan klinik-klinik Kerajaan.
12. PR-1411-L01181
Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kerajaan bersedia menubuhkan satu Suruhanjaya Kanak-kanak yang bebas di bawah suatu Akta Parlimen yang baharu bagi melindungi hak-hak kanak-kanak di Malaysia.
13. PR-1411-L00444
Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kaedah yang akan digunakan oleh Kementerian bagi memastikan dana Tabung Harapan dapat digunakan untuk membayar hutang negara secara telus.
14. PR-1411-L00023
Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hutang negara masa kini dan nyatakan secara terperinci hutang-hutang berkenaan serta nyatakan termasuk terma dan syarat pinjaman berkenaan khususnya dari segi pembayaran balik pinjaman dan nyatakan adakah Kerajaan sebelum ini telah menjelaskan hutang-hutang berkenaan mengikut jadual serta nyatakan adakah Kerajaan berkemampuan untuk menjelaskannya mengikut tempoh yang telah ditetapkan.
15. PR-1411-L00024
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pendekatan Kerajaan terhadap projek-projek atau kontrak-kontrak seperti Projek Laluan Rel Pantai Timur (East Coast Rail Link-ECRL) yang diberikan kepada syarikat-syarikat China yang terma-termannya tidak memihak kepada Malaysia.

16. PR-1411-L00540
Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk mengurangkan bebanan kos sara hidup rakyat memandangkan kadar inflasi dijangka meningkat daripada 1.4 peratus kepada 1.9 peratus sebagaimana dilaporkan oleh RAM Rating Services Bhd dalam BERNAMA.
17. PR-1411-L00614
Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kesan pengenalan SST pada bulan September yang akan datang ke atas penjawat awam yang bertugas di Bahagian GST, Jabatan Kastam Diraja di seluruh Malaysia.
18. PR-1411-L00798
Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk memperbaiki jalan atau bina jalan baru dan membangunkan pembangunan infrastruktur bagi Parlimen Cameron Highlands memandangkan Cameron Highlands merupakan kawasan tumpuan pelancong dan pusat pengeluaran pertanian utama negara.
19. PR-1411-L01233
Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan Sistem ICGPA dan CGPA kedua-duanya mempunyai elemen penting dalam pembangunan Mahasiswa Holistik dari sudut teori dan praktikal. Apakah cadangan atau mekanisme terbaru dari pihak Kementerian untuk menambah baik sistem yang '*indicate*' Pembangunan Mahasiswa secara holistik.
20. PR-1411-L00678
Laksamana Muda Dato' Pahlawan Danyal Balagopal Abdullah (B) [Port Dickson] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan sama ada di dalam Malaysia Baharu ini, adanya tindakan diambil untuk melaksanakan '*affirmative action*' mengikut peringkat kemiskinan masyarakat (*poverty line*) dan bukannya mengikut kaum.
21. PR-1411-L00660
Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan anggaran bilangan *stateless children* di Malaysia dan apakah langkah oleh Kerajaan dalam membela nasib kanak-kanak tersebut.

22. PR-1411-L00317
Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar] minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan langkah-langkah terhadap majikan yang tidak melaksanakan perintah mahkamah buruh walaupun keputusan telah dibuat.
23. PR-1411-L00159
Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [Mersing] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :-
- (a) sama ada Kerajaan akan meneruskan perolehan aset pertahanan yang besar seperti Kapal Misi Pesisir (LMS), Kapal Tempur Pesisir (LCS) dan Maritime Petrol Aircraft. Jika ia, mohon beri perkembangan mengenai perolehan berkenaan; dan
 - (b) apakah Kementerian bercadang menaik taraf keupayaan pertahanan udara memandangkan kebanyakan aset TUDM telah melebihi usia 20 tahun.
24. PR-1411-L00285
Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) sama ada Kerajaan bercadang mewujudkan satu jawatankuasa baru untuk mengkaji masalah '*stateless children*' di Sarawak; dan
 - (b) apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memberi kewarganegaraan kepada anak angkat yang tidak dapat mencari ibu bapa kandung mereka.
25. PR-1411-L00141
Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap Automated Enforcement System (AES) yang dikritik hebat sebelum ini, adakah penggunaannya akan diteruskan atau bakal dihapuskan.
26. PR-1411-L00150
Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
- (a) bilakah projek naik taraf landasan KTM di Lembah Klang dan Pantai Timur akan lengkap dilaksanakan, kenapa kelewatan; dan
 - (b) syarikat mana dan berapa kos yang terlibat setiap satu projek ini.

27. PR-1411-L00273
Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan punca harga rumah yang tinggi dalam pasaran dan menjelaskan usaha bagi menurunkannya ke paras yang mampu milik iaitu 3 kali median pendapatan tahunan isi rumah.
28. PR-1411-L00108
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI, SAINS, PERUBAHAN IKLIM DAN ALAM SEKITAR** menyatakan perkembangan kelulusan semakan Surcaj Penjimatan Air (WCS) Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Adakah Pusat akan mempertimbangkan permohonan pelaksanaan Skim Bekalan Air Mentah dari Sungai Perak (SPRWS) Pulau Pinang bagi menjamin bekalan air menjelang 2020.
29. PR-1411-L00110
Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik terakhir jumlah penghidap Diabetes Jenis Kedua (Type 2 Diabetes) di Malaysia mengikut negeri. Apakah strategi Kementerian dalam mengurangkan penghidap Diabetes Jenis Kedua dianggap berjaya.
30. PR-1411-L00673
Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah insentif-insentif baru oleh Kerajaan kepada majikan untuk menyediakan kemudahan penjagaan anak sama ada di tempat kerja ataupun berhampiran tempat kerja.
31. PR-1411-L01175
Dato' Seri Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan adakah Kerajaan Pusat akan menyalurkan pampasan kepada Kerajaan Negeri Kedah untuk memelihara dan menjaga kawasan tadahan air di empat empangan terbabit demi memastikan empangan-empangan itu terus berupaya memenuhi permintaan bekalan air.
32. PR-1411-L00782
Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah dasar Kerajaan baharu berkenaan memerangi dadah setelah Kerajaan lepas gagal untuk mencapai sasaran Negara Bebas Dadah menjelang tahun 2015 dan apakah Kerajaan akan merombak segala cara memerangi dadah dari segi penguatkuasaan dan pemulihan serta apakah sasaran baru Kerajaan untuk bebas dadah.

33. PR-1411-L00430
Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah Kerajaan tidak mempertahankan Institusi Raja-Raja ekoran serangan demi serangan serta provokasi terhadap institusi berkenaan sejak dari awal Kerajaan Pakatan Harapan mengambil alih tampuk kepimpinan.
34. PR-1411-L01376
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) apakah pelan baru Kerajaan untuk menangani masalah pengambilan pembantu rumah asing dari negara sumber yang mencecah kos yang begitu tinggi antaranya sehingga RM18,000 yang dikenakan oleh agensi pekerja asing walaupun Kerajaan telah memperkenalkan sistem pengambilan pembantu rumah asing secara *online* dari negara sumber oleh majikan; dan
 - (b) apakah tindakan penguatkuasaan Kementerian terhadap penyelewengan agensi-agensi pekerja asing yang begitu berleluasa.
35. PR-1411-L00376
Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah peratus *Sales and Service Tax* (SST) yang bakal dikenakan bagi menggantikan GST pada September nanti dan adakah ia dijamin dapat menurunkan harga barangan.
36. PR-1411-L01097
Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tentang beberapa kes permohonan kewarganegaraan untuk isteri kepada individu yang berwarganegara Malaysia di bawah Artikel 15 yang masih tidak mendapat jawapan kepada permohonan mereka sama ada diterima atau ditolak dalam tempoh melebihi tempoh masa setahun.
37. PR-1411-L00998
Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah pelan Kementerian untuk meningkatkan sosioekonomi penoreh getah di seluruh negara yang majoritinya masih hidup di bawah paras kemiskinan terutama apabila harga getah di paras yang sangat rendah ketika ini berbanding di negara lain.

38. PR-1411-L00849
Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes permohonan kewarganegaraan mengikut jantina, umur, kaum, dan agama setiap tahun bermula 2013 hingga 2018 .
39. PR-1411-L01085
Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah Kerajaan akan mengklasifikasikan semua perjanjian tol sebagai dokumen terbuka dan berapakah jumlah kos yang perlu ditanggung untuk memansuhkan semua tol di Malaysia.
40. PR-1411-L01217
Tuan Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah kadar bantuan kewangan sebelum ini akan dinaikkan atau tidak.
41. PR-1411-L01196
Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada suatu tabung wakaf pendidikan mungkin diwujudkan bagi meringankan beban kewangan para pelajar dan lepasan pendidikan tinggi.
42. PR-1411-L01138
Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menambahkan lagi keluasan kawasan yang digazetkan sebagai jelapang padi di seluruh negara dan nyatakan kawasan serta keluasan yang dicadangkan sekiranya ada.
43. PR-1411-L01350
Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
- (a) apakah status program "*Rent To Own*" bagi rumah-rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) di seluruh Negara; dan
 - (b) selain daripada tanah-tanah yang ditawarkan oleh Kerajaan negeri, adakah Kementerian juga bersedia untuk membeli tanah-tanah milik persendirian bagi membolehkan Projek Perumahan Rakyat (PPR) dilaksanakan.

44. PR-1411-L00934
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan langkah-langkah jangka pendek yang telah dirancang pihak Kerajaan bagi memulihkan kembali keyakinan pelabur asing ke atas prospek positif ekonomi negara yang dikatakan merosot sejak perubahan Kerajaan berlaku, dan apakah punca berlakunya kemerosotan ini.
45. PR-1411-L01314
Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa buah Sekolah (SK dan SMK) dalam kawasan Parlimen P.222 Lawas yang akan dibangunkan semula menggantikan bangunan yang daif dan uzur sekarang.
46. PR-1411-L01247
Datuk Seri M. Saravanan [Tapah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status pemilikan ekuiti (*equity ownership*) masyarakat India masa kini dan apakah perancangan dan tempoh masa yang ditetapkan oleh Kementerian dalam memperkasakan pemilikan ekuiti masyarakat India.
47. PR-1411-L00474
Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan setelah Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan, tidak dapat dinafikan bahawa jurang ketidakseimbangan ekonomi di kalangan masyarakat masih wujud. Apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menangani cabaran ini.
48. PR-1411-L00339
Tuan Teh Kok Lim [Taiping] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah peruntukan yang telah diluluskan kepada Taman Botani Perak di Taiping dan berapa jumlah yang telah disalurkan.
49. PR-1411-L00109
Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah implikasi kecekapan pengurusan dan kewangan yang dihadapi oleh pihak Kementerian terhadap cadangan bagi menggantikan Suruhanjaya Awam Darat (SPAD) kepada Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD).

50. PR-1411-L00001
Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilakah Kerajaan bercadang menyediakan perkhidmatan bank di daerah Pitas memandangkan penduduk di daerah ini amat memerlukan perkhidmatan tersebut.
51. PR-1411-L00808
Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tempoh masa yang akan diambil oleh untuk mengiktiraf Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC).
52. PR-1411-L00359
Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi] minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan perancangan Kementerian dalam membantu lambakan graduan untuk mendapatkan pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan mereka dan adakah Program Skim Latihan Graduan Malaysia akan diteruskan untuk mempersiapkan graduan dengan kemahiran dan pengalaman kerja.
53. PR-1411-L00419
Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status Pekeliling yang bertarikh 17 April 2018 yang 'Tidak Membenarkan Pelaksanaan Kelas Komputer Pada Waktu Persekolahan' dan apakah rasional arahan dalam Pekeliling ini.
54. PR-1411-L00917
Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan berapa banyakkah projek-projek inisiatif untuk kepentingan rakyat di bawah Kerajaan terdahulu yang telah dibatalkan dalam tempoh pemerintahan Kerajaan baharu ini. Nyatakan apakah projek-projek tersebut yang telah dibatalkan.
55. PR-1411-L00054
Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kementerian dijangka memansuhkan semua undang-undang yang zalim seperti Akta Hasutan 1948, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 dan Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan) 2017 (POCA) dan Akta Anti Berita Palsu.

56. PR-1411-L01315
Tuan Karupaiya A/L Mutusami [Padang Serai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah pemegang kad pengenalan merah sedangkan ramai di antara mereka telah memohon menjadi warga negara Malaysia. Tetapi jawapan terhadap permohonan itu selalu ditolak atau tiada sebarang jawapan daripada pihak Kementerian.
57. PR-1411-L00517
Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan justifikasi yang menghalang Kerajaan melaksanakan janji penangguhan pembayaran PTPTN kepada peminjam yang bergaji RM4,000 ke bawah.
58. PR-1411-L00757
Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah sebenar hutang negara mengikut perincian standard yang digunakan oleh negara-negara di seluruh dunia.
59. PR-1411-L01119
Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) apakah inisiatif Kerajaan untuk mengurangkan hutang negara dan sejauh mana kredit yen yang dipohon dari negara Jepun sebagai *soft loan* (pinjaman mudah) adalah sebahagian dari usaha Kerajaan ke arah ini; dan
 - (b) adakah beban hutang negara ini akan mengganggu pelaksanaan projek-projek infrastruktur yang telah direncanakan Kerajaan dalam Bajet 2018 ini.
60. PR-1411-L00365
Tuan Ali bin Biju [Saratok] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah status perlaksanaan kerja penurapan dan menaik taraf Jalan Ulu Krian bermula dari Sungai Bansu ke Rumah Jawie, Awas dan Rumah Langan Ulu Krian yang dianggarkan berjumlah RM15 juta.

61. PR-1411-L00631
Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah hampir 170 negara di dunia melaksanakan GST/VAT. Apakah kebaikan GST/VAT dibandingkan dengan SST. Berapakah kehilangan hasil bila GST jadi 0%. Berapakah anggaran pendapatan tambahan LHDN akibat sukar menipu cukai ketika GST dilaksanakan.
62. PR-1411-L01162
Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan adakah pihak Kerajaan akan meneruskan projek perumahan untuk generasi kedua luar bandar yang memberi peluang kepada generasi baru luar bandar untuk membina rumah di atas tanah milik mereka sendiri.
63. PR-1411-L00866
Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat menjadikan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di Kota Bharu sebagai lapangan terbang antarabangsa, memandangkan lapangan terbang ini merupakan lapangan terbang domestik yang tersibuk dalam negara.
64. PR-1411-L00845
Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian bersedia untuk mengkaji semula dan meningkatkan jumlah elaun, insentif serta peruntukan penyelenggaraan prasarana perumahan bagi anggota Polis Diraja Malaysia.
65. PR-1411-L00728
Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan berapakah jumlah Rumah Projek Perumahan Rakyat Termiskin yang telah dilaksanakan bagi tahun 2016, 2017 dan 2018 (sehingga April). Mohon nyatakan juga bilangan yang telah dibaik pulih bagi tempoh yang sama.
66. PR-1411-L00486
Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kegagalan pelajar-pelajar cemerlang memasuki matrikulasi. Apakah cara penyelesaian oleh pihak Kementerian.

67. PR-1411-L01346

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan :-

- (a) dalam arena politik Asia Barat, apakah strategi-strategi yang diambil oleh Kerajaan baru ini demi menangani keadaan porak-peranda yang dialami oleh penduduk-penduduk di Asia Barat, khususnya di Syria, Yaman dan Palestin; dan
- (b) adakah Kementerian ini akan memainkan peranan barisan hadapan (*forefront*) dengan negara-negara barat, khususnya Amerika Syarikat, Rusia dan EU yang menguasai rundingan proses damai (*peace process*) Syria, Palestin-Israel dan Yaman dan apakah langkah-langkah yang akan diambil demi mencapai matlamat ini.

68. PR-1411-L00224

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Kerajaan akan melantik Peguam Negara daripada kalangan Ahli Parlimen.

69. PR-1411-L01110

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan mengapa industri petroleum di Laut China Selatan, Pantai Timur Semenanjung dan Malaysia Timur tidak dipusatkan terus segala urusan berkaitan di negeri pengeluarannya.

70. PR-1411-L01031

Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah status Sistem Pemberian Mata Demerit Kesalahan Jalan Raya (KEJARA) pada ketika ini dan bilakah ia akan mula dikuatkuasakan.

71. PR-1411-L01397

Tuan Ahmad Faizal bin Dato' Azumu [Tambun] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk meluluskan Akta Kebebasan Maklumat untuk memastikan maklumat-maklumat dan laporan awam tidak disembunyikan dari mata masyarakat. Selanjutnya, adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk meminda OSA sedia ada untuk memastikan ia tidak disalahgunakan dan hanya rahsia-rahsia negara yang sah sahaja perlu dilindungi.

72. PR-1411-L(5)00002

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan berapa tunggakan pinjaman TEKUN terkini yang harus dikutip dan apa usaha untuk mempertingkatkan kutipan tersebut.

[Pertanyaan di bawah PM.22(5)]

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**1. Perdana Menteri akan mencadangkan :-**

"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 76, Dewan ini melantik sebuah Jawatankuasa Pemilihan bagi tempoh Parlimen Ke-14 yang mengandungi seorang Pengerusi dan 6 orang lagi Ahli Jawatankuasa seperti berikut:

1. Yang Berhormat Dato' Mohamad Ariff bin Md Yusof, Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat (Pengerusi);
2. YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, Ahli Parlimen Pandan, Timbalan Perdana Menteri;
3. Yang Berhormat Tan Sri Muhyiddin bin Yassin, Ahli Parlimen Pagoh;
4. Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Sabu, Ahli Parlimen Kota Raja;
5. Yang Berhormat Tuan Ignatius Darell Leiking, Ahli Parlimen Penampang;
6. Yang Berhormat Tuan Tan Kok Wai, Ahli Parlimen Cheras;
7. Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Ahli Parlimen Bagan Datuk."

2. Perdana Menteri akan mencadangkan :-

"Bahawa Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Ahli Parlimen Beluran dan Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh, Ahli Parlimen Ipoh Timur masing-masing dipilih sebagai Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara bagi Majlis Parlimen Ke-14."

3. Menteri Kewangan akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 10(3) dan subseksyen 17(5) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 supaya Perintah-Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bilangan ST.48 dan ST.49 bagi tahun 2018 disahkan."

4. (D.R.10/2018) Rang Undang-undang Cukai Jualan 2018 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Kewangan]

5. (D.R.11/2018) Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan 2018 "

[Menteri Kewangan]

6. (D.R.9/2018) Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018 "

[Menteri Kewangan]

7. (D.R.12/2018) Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2018 "

[Menteri Kewangan]

8. (D.R.13/2018) Rang Undang-undang Zon Bebas (Pindaan) 2018 "

[Menteri Kewangan]

9. PR-1411-U(27)003
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini menggesa supaya Menteri Pendidikan memperjelaskan Selaras dengan manifesto Pakatan Harapan, Kementerian harus memberi pengiktirafan segera ke atas pelajar Sijil Peperiksaan Bersepadu (*Unified Examination Certificate-UEC*) supaya lepasan UEC boleh memohon untuk kemasukan universiti awam sesi pengambilan 2018/2019 yang bermula pada awal September 2018."

[Menteri Pendidikan]

10. PR-1411-U(27)004
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Kementerian perlu mempunyai satu pendekatan yang sistematik dalam menyalurkan peruntukan tahunan dan dana khas untuk pembangunan serta penyelenggaraan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina (SMJK) (*confirming school*) dan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) tanpa mengabaikan Sekolah Kebangsaan serta sekolah aliran lain Kementerian juga perlu mengumumkan garis panduan kelulusan pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) yang baharu serta penempatan semula SJK(C) yang kurang murid ke kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi seharusnya menjadi sebahagian daripada perancangan pendidikan oleh Kementerian agar SJK(C) turut menjadi arus perdana sistem pendidikan kebangsaan."

[Menteri Pendidikan]

11. PR-1411-U(27)005

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil satu ketetapan mengenai lambakan kes permohonan kewarganegaraan oleh kaum India dan Cina yang tertunggak sekian lama agar ia dapat diproses dengan segera serta diluluskan dalam tempoh tiga sehingga enam bulan."

[Menteri Dalam Negeri]

12. PR-1411-U(27)006

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Perdana Menteri untuk membatalkan projek kereta nasional baru apabila kegagalan Proton perlu diambil iktibar dan menumpu kepada usaha Kerajaan dalam menangani isu-isu industri automotif dalam negara serta memperkukuhkan industri automotif secara holistik selaras dengan Dasar Automotif Nasional."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

13. PR-1411-U(27)007

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Menteri Kewangan untuk membahaskan kaedah mengira hutang negara yang mengambil kira liabiliti luar jangkaan serta pajakan pengkongsian awam-swasta berbanding dengan kaedah antarabangsa seperti IMF dan jika Menteri menggesa untuk mengamalkan pengiraan baru ini, ia perlu dibentang untuk kelulusan dari Parlimen."

[Menteri Kewangan]

14. PR-1411-U(27)008

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Perdana Menteri untuk membentang butiran-butiran termasuk terma-terma dan tujuan yang terlibat dalam permintaan kredit yen dari Kerajaan Jepun dan ia dibahas dalam Dewan ini."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

15. PR-1411-U(27)009

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan apakah rancangannya untuk mempertingkatkan perkhidmatan pengangkutan awam dalam negara terutamanya di sekitar daerah Klang yang mana kesesakan lalu lintas dianggar mengakibatkan kehilangan 1.11% kepada 2.2% daripada KDNK terutamanya pengumuman pembatalan MRT3 telah dibuat."

[Menteri Pengangkutan]

16. PR-1411-U(27)001

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan yang mulia ini akan mencadangkan kepada Kerajaan supaya memulihkan semula Pilihan Raya Kerajaan Tempatan bagi membolehkan warga kota memilih sendiri wakil-wakil untuk berkhidmat dalam Majlis Kerajaan Tempatan."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

17. PR-1411-U(27)002

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini menyatakan kehilangan kepercayaan dan ketidakyakinan terhadap Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), iaitu Tan Sri Othman Bin Haji Mahmood, dan lima anggota SPR yang lain, iaitu Dato' Md Yusop Bin Haji Mansor, Datuk Haji Abdul Aziz Bin Khalidin, Haji Sulaiman Bin Haji Narawi, Dato' Bala Singam A/L Karupiah, dan Dato' Leo Chong Cheong, dan oleh itu menuntut agar mereka meletak jawatan sebagai anggota SPR dengan serta-merta."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

****UCAPAN-UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 07.08.2018 (Selasa)	1. YB Tuan Khoo Poay Tiong (Kota Melaka)	1. Masalah Banjir Di Melaka	1. YB Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
2. 07.08.2018 (Selasa)	2. YB Puan Wong Shu Qi (Kluang)	2. Menaiktaraf Balai Bomba Kluang	2. YB Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**